

Dialog perlu cari punca masalah

UM-21/5/2006

SHARM EL-SHEIKH (MESIR) 20 Mei - Perselisihan dan perbalahan antara Islam dan Barat tidak akan selesai sampai bila-bila jika punca kepada masalah yang timbul sering diketepikan dalam setiap dialog yang diadakan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, dialog berterusan antara dua tamadun itu penting dalam mengurangkan jurang persefahaman, tetapi tidak guna jika ia tidak fokus, tidak produktif dan tidak berkesan.

"Dialog untuk membentuk rangka tindakan yang boleh dilaksanakan bagi mengetengahkan masalah sebenar kepada perbalahan.

"Kita tidak boleh ketepikan masalah begitu sahaja. Kita perlu berbincang tentang bagaimana untuk bekerjasama untuk mengatasi masalah ini sebenar-benarnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sesi dengan Majlis 100 Pemimpin (C-100) Dialog Islam-Barat di Forum Ekonomi Dunia mengenai Asia Barat, di sini hari ini.

C-100 merupakan sebuah kum-

pulan yang dianggotai tokoh dari pelbagai agama di dunia bagi mencari jalan mengurangkan jurang perbezaan antara Islam dan Barat.

Menurut Perdana Menteri, penyelesaian kepada isu Islam dan Barat akan lebih produktif jika kedua-dua pihak tidak berada dalam penafian.

"Yang sedihnya kita selalu seperti itu. Sebarang perbincangan mengenai punca kepada masalah sering dielakkan kerana ia akan mendedahkan pekung masing-masing.

Tanggungjawab

"Setengahnya tidak mahu mengambil tanggungjawab moral atau mengambil tindakan tegas jika perlu. Jadi dialog jadi tidak bermakna," tegasnya.

Oleh itu kata Abdullah, Islam dan Barat tidak perlukan dialog yang banyak, sebaliknya perlu mengukuhkan yang sedia ada.

Katanya, sekarang banyak dialog diadakan di banyak tempat tetapi ia tidak pernah membuahkan hasil dan tidak memberikan sebarang perkembangan.

Sehubungan itu katanya, dialog


yang berkesan dan memberi penekanan kepada nilai yang sebenar akan memberi faedah kepada persefahaman dan keamanan global.

"Dialog perlu disertai dengan tindakan, tidak ada penggantinya. Dialog antara dunia Islam dan barat bukan setakat mesti mengukuhkan persefahaman, tetapi juga mewujudkan kekuatan dan keberanian terhadap yang betul dan salah," tegasnya.

Oleh itu katanya, polisi sekarang perlu dinilai semula supaya ia lebih memberi manfaat kepada semua pihak.

Dalam kes Malaysia katanya, dialog sentiasa digunakan sebagai kaedah untuk mencari punca kepada apa juga masalah yang timbul hingga membawa kepada perubahan rangka ekonomi, politik dan sosial yang memberi faedah kepada semua termasuk etnik minoriti.

"Saya datang daripada tradisi yang mementingkan dialog - yang membawa keamanan berterusan kepada negara saya dan yang menjadikan negara saya negara berbilang agama dengan majoritinya Islam yang berjaya dari segi ekonomi," katanya.



NAJIB Tun Razak (kiri sekali) bersama Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud (dua dari kiri) mengiringi calon BN bagi kawasan N. 8 Satok, Datuk Abang Johari Tun Openg (bersongkok) ke tempat pembuangan undi di Sekolah Kebangsaan Merpati, Jalan Patinggi Ali, Kuching, semalam.